

02/08/2000

Sekolah Wawasan tidak jejas identiti SJKC, SJKT

GENTING HIGHLANDS, Selasa - Kerajaan memberi jaminan pelaksanaan Sekolah Wawasan tidak akan menggugat identiti sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) atau sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT).

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed, berkata konsep itu yang sudah dilaksanakan beberapa tahun lalu, termasuk di Lurah Bilut, dekat sini, tidak menunjukkan sebarang kesan negatif.

Beliau berkata, SJKC dan SJKT tidak perlu khuatir kehilangan identiti akibat penampilan Sekolah Wawasan kerana ia pernah dilaksanakan sebelum ini.

"Tidak pun ada kesan yang sekolah berkenaan hilang identiti. Mereka masih sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah kebangsaan Cina dan sekolah kebangsaan," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau mengulas kebimbangan disuarakan pendidik SJKC dan SJKT mengenai kesan pelaksanaan Sekolah Wawasan yang dikatakan akan menghakis identiti sekolah berkenaan.

Sekolah Wawasan adalah penempatan tiga sekolah berlainan aliran dalam satu kawasan dengan sekolah terbabit berkongsi kemudahan asas. Ia bertujuan menggalakkan persefahaman kaum pada peringkat kanak-kanak lagi.

Minggu lalu, semua 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN bersetuju dan menyokong pewujudan Sekolah Wawasan sebagai satu cara merapatkan hubungan rakyat pelbagai kaum pada peringkat awal lagi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan perkara itu berkata, BN khuatir kegiatan pihak tertentu yang menyemai rasa kebencian sama ada pada peringkat tadika, sekolah atau universiti.

Bagaimanapun, beberapa pihak lain pula mendesak supaya kerajaan menghapuskan sama sekali SJKC dan SJKT yang dikatakan sebagai penghalang sebenar kepada integrasi nasional.

Musa berkata, kerajaan yakin pelaksanaan Sekolah Wawasan mampu mencapai matlamat memantapkan integrasi kaum dan pada sama, masyarakat Cina dan Tamil masih terus mempertahankan identiti masing-masing.

Katanya, apa yang penting, ketiga-tiga kaum terbesar menjalinkan kerjasama erat yang tulen bagi mewujudkan rakyat Malaysia yang benar-benar bersatu padu.

"Jadi daripada pengalaman bertahun-tahun lamanya dengan sekolah itu, kita yakin konsep ini boleh dilaksanakan dengan syarat kita berpegang teguh dengan semangat bekerjasama di antara satu sama lain.

"Ini penting supaya kita dapat membina rakyat bersatu padu dalam erti kata sebenarnya," katanya.

Terdahulu, Musa merasmikan Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-9 dan menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara Telekom Smart School (TSS) Sdn Bhd dan Institut Aminuddin Baki (IAB).

Menerusi memorandum itu, IAB akan menjadi rakan pembekal maklumat kepada TSS dalam bidang latihan, penyelidikan, penerbitan, rujukan dan perkhidmatan masyarakat.

Dalam ucapannya, Musa menggesa pemimpin dan pengurus pendidikan memikirkan strategi dan kaedah baru bagi menyediakan generasi akan datang untuk menghadapi cabaran hebat globalisasi.

(END)